

mengurangkan Import

Taraf Hidup



#2 Perkembangan sektor ekonomi menjadikan pendapatan purata penduduk sesebuah negara semakin meningkat. Ini dapat meningkatkan _____ . Contohnya pendapatan purata isi rumah di Malaysia meningkat daripada RM6 141 sebulan pada tahun 2014 kepada RM6 989 sebulan pada tahun 2016.

Hasil eksport, cukai dan keuntungan perniagaan memberi _____ kepada negara. Kemajuan dalam kegiatan ekonomi membolehkan lebih banyak barangan dieksport. Keadaan ini meningkatkan pertukaran wang asing. Ekonomi Malaysia terus berkembang pada 2017 dengan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada harga semasa mencapai RM1.353 trilion, meningkat 9.9 peratus daripada RM1.231 trilion pada 2016.

Pembangunan kegiatan ekonomi memberi sumbangan kepada _____. Pendapatan tambahan membolehkan kemudahan pengangkutan dan perhubungan seperti jalan raya, jalan kereta api, lapangan terbang dan telekomunikasi sesebuah negara ditingkatkan. Contohnya perkembangan sektor pelancongan telah menyumbang kepada peningkatan taraf pengangkutan udara di Malaysia dengan pembinaan KLIA dan KLIA2.



#5

Kegiatan ekonomi menyebabkan pertambahan penduduk di sesuatu kawasan yang mewujudkan proses _____. Sektor perindustrian dan perlombongan menggalakkan migrasi masuk kerana wujudnya banyak peluang pekerjaan dan menyumbang kepada perkembangan bandar, contohnya Pasir Gudang, Johor ndan Bintulu, Sarawak. Perkembangan ekonomi dan teknologi yang pesat di Singapura telah menempatkan Singapura di kedudukan pertama bandar bijak dunia berdasarkan Ranking Juniper Research



#6

Perkembangan kegiatan ekonomi seperti perkilangan dan perlombongan membawa kepada berlakunya _____. Pemindahan teknologi merujuk kepada pemindahan kemahiran, kepakaran dan teknik dari sebuah negara ke negara lain melalui pembelajaran, pengalaman, latihan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Pemindahan teknologi penting untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti barangan.



#7

Perkembangan sektor ekonomi dapat _____ barangan sesebuah negara. Perkembangan dalam sektor pertanian dapat mengurangkan import barangan makanan. Di Malaysia, kerajaan menjalankan pelbagai usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi bagi mengurangkan import beras dan memajukan industri tenusu negara bagi mengurangkan kebergantungan kepada produk tenusu dari negara luar.

